



Ismail Sabri menandatangani Surat Cara Pelantikan sebagai Perdana Menteri kesembilan pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Perdana Menteri yang berlangsung di Balai Singgahsana Kecil, Istana Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

# Ismail Sabri angkat sumpah PM kesembilan

BH - 22/8/2021  
m/s: 2

Ucap terima kasih atas perkenan Seri Paduka, sokongan rakan ahli Parlimen

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Fahmy Azril Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ahli Parlimen Bera, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kesembilan di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah

Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, pada istiadat di Istana Negara, petang semalam.

Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Perdana Menteri itu, berlangsung di Balai Singgahsana Kecil, Istana Negara pada jam 2.30 petang.

Ismail Sabri kemudian menandatangani dokumen berkaitan sambil disaksikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dan Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat sebelum istiadat diakhiri bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Luqman Abdullah.

Yang turut berangkat pada istiadat itu, Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Antara pemimpin parti politik yang hadir termasuk bekas Perdana Menteri merangkap Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin; Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi; Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Pengerusi Gabungan Parti Sarawak (GPS), Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

Selain itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong; Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili; Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan dan Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat

Watikah Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Perdana Menteri.

Sabah (PBRs), Datuk Arthur Joseph Kurup.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun dan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim.

Bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden UMNO itu memakai baju Melayu berwarna hitam lengkap bersamping hitam bersulam benang warna keemasan, diiringi isteri, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin ke istiadat berkenaan.

Al-Sultan Abdullah memberi perkenan pelantikan Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri kesembilan selaras Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Pelantikan Perdana Menteri yang baharu dibuat susulan peletakan jawatan Muhyiddin selepas Ahli Parlimen Pagoh berkenaan hilang majoriti sokongan ahli Parlimen, manakala cadangan kerjasama bipartisan olehnya tidak mendapat sokongan parti politik.

Pada 18 Ogos lalu, Istana Negara menerima pencalonan nama bakal Perdana Menteri daripada 220 ahli Parlimen, masing-masing menerusi surat akuan (SD).

Mengikuti SD berkenaan seramai 114 ahli Dewan Rakyat mencalonkan Ismail Sabri, sekali gus memperoleh jumlah majoriti yang mencukupi untuk memben-

Bismillahirrahmanirrahim.  
Wallahi, Wabillahi, Watallahi.  
Saya Ismail Sabri bin Yaakob, setelah dilantik memegang jawatan seorang Perdana Menteri dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenarnya kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

Bismillahirrahmanirrahim.  
Wallahi, Wabillahi, Watallahi.  
Saya Ismail Sabri bin Yaakob dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya tidak akan memberitahu atau menzahirkan kepada mana-mana orang sama ada secara langsung atau secara tidak langsung apa-apa perkara yang dibawa untuk pertimbangan saya atau yang akan saya ketahui sebagai seorang Perdana Menteri. Kecuali sebagaimana yang mungkin dikehendaki untuk menunaikan dengan sewajarnya kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian atau sebagaimana yang mungkin dibenarkan dengan khas oleh Yang di-Pertuan Agong.

tuk kerajaan.

Susulan itu, Seri Paduka berkenan menerima menghadap 114 ahli Parlimen berkenaan untuk mengesahkan kepercayaan mereka ke atas ahli Dewan Rakyat yang dicalonkan sebagai Perdana Menteri kesembilan.

Sementara itu, ketika menemui media yang menunggu di luar pekarangan kediamannya di Petaling Jaya sejourus kembali dari Istana Negara, Ismail Sabri berterima kasih kepada semua pemimpin parti politik termasuk blok Bebas, yang memilihnya sebagai Perdana Menteri kesembilan.

Beliau turut mengucapkan kesyukuran atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, melantiknya ke jawatan berkenaan.

"Saya bersyukur kepada Allah dan atas izin-Nya, saya dilantik sebagai Perdana Menteri.

"Ucapan terima kasih juga saya kepada rakan ahli Parlimen, termasuk Bebas dan ketua parti politik," katanya secara ringkas.

Ismail Sabri turut merakamkan penghargaan kepada kepimpinan UMNO dan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) parti itu atas kepercayaan diberikan kepadanya.

Beliau dijangka membuat kenyataan rasmi susulan pelantikan sebagai Perdana Menteri, khusus kepada seluruh rakyat hari ini.

## Ibadat & Fadilat

Abu Hurairah RA bertanya kepada Sayidatina Aishah RA mengenai apa dilakukan Nabi SAW di rumah. Maka jawabnya: "Baginda turut membantu urusan keluarganya, apabila Baginda mendengar azan, Baginda pun keluar." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:03	1:24	4:35	7:32	8:43
Alor Setar	6:03	1:24	4:35	7:32	8:43
P. Pinang	6:04	1:24	4:36	7:31	8:42
Ipoh	6:03	1:22	4:34	7:28	8:39
Kuala Lumpur	6:01	1:19	4:33	7:25	8:36
Shah Alam	6:01	1:19	4:33	7:25	8:36
Johor Bahru	5:54	1:11	4:26	7:14	8:25
Kuantan	5:56	1:14	4:28	7:18	8:29
Seremban	6:00	1:18	4:32	7:22	8:32
Bandar Melaka	6:00	1:17	4:32	7:21	8:32
Kota Bharu	5:56	1:17	4:28	7:24	8:31
K. Terengganu	5:53	1:13	4:25	7:20	8:30
Kota Kinabalu	5:02	12:22	3:35	6:29	7:40
Kuching	5:29	12:46	4:01	6:50	8:00